**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

**18 JULAI 2021**

---

## A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **666 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **75,145 kes**. Dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Lahad Datu dan Beaufort. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 275 menjadikan jumlah kumulatif 71,232 orang. Seramai 3,058 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 462 orang di hospital, 1,815 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 781 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 56 orang dan sembilan (9) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:




Daerah Kota Marudu berubah dari zon merah ke zon jingga manakala Kalabakan berubah dari zon kuning ke zon merah

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 15 daerah
- Zon Jingga enam (6) daerah
- Zon Kuning empat (4) daerah
- Zon Hijau dua (2) daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah hari ini adalah yang tertinggi setakat ini, yakni 666 kes iaitu peningkatan 19 kes berbanding 647 kes semalam (17 Julai 2021).

b. Hari ini juga boleh dipanggil "Hari Penjara" kerana 50.3% daripada kes di Sabah datang daripada dua (2) penjara, Penjara Kepayan 211 kes daripada 278 kes bagi Kota Kinabalu (76%) dan Penjara Tawau 124 kes daripada 145 kes yang dilaporkan di Tawau (85.5%). Secara keseluruhan 449 kes (67.4%) daripada 666 kes berlaku di kluster-kluster sedia ada yang sudah pun diletakkan di bawah perintah PKPD.

**c.** 65.3% (435) semua pesakit (positif) berada dalam Kategori/Tahap 1 (tidak bergejala) & 33.8% (225) dalam Kategori/Tahap 2 (bergejala tanpa radang paru-paru). Ini bermakna 99% mereka yang disahkan positif hari ini hanya perlu menjalani rawatan di PKRC (Pusat Kuarantin & Rawatan Covid) dan tidak perlu dimasukkan di hospital.

**d.** Bilangan kes positif COVID-19 ini diperolehi melalui saringan berikut:

- 129 kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat
- 449 kes adalah daripada Saringan Kluster
- 48 kes adalah daripada Saringan Bergejala
- 32 kes daripada Saringan Bersasar
- Lapan (8) kes adalah daripada Saringan Lain-lain kes.

### ii. Kedudukan berdasarkan daerah dan perbandingan kes Positif COVID-19 semalam

**a. Daerah yang mencatatkan peningkatan kes**

**Sembilan (9)** daerah yang mencatatkan peningkatan kes berbanding semalam (17 Julai 2021) iaitu:

- Tawau 145 kes, peningkatan (+67) kes
- Sipitang 48 kes, peningkatan (+23) kes
- Kalabakan 31 kes, peningkatan (+30) kes
- Sandakan 53 kes, peningkatan (+20) kes
- Kota Belud 17 kes, peningkatan (+10) kes
- Telupid sembilan (9) kes, peningkatan (+9) kes
- Kinabatangan 10 kes, peningkatan (+6) kes
- Penampang 16 kes, peningkatan (+3) kes
- Beaufort 27 kes, peningkatan (+3) kes

**b. Daerah yang kekal catatan mencatatkan kes sama**

**Satu (1)** daerah yang mencatatkan kes baharu sebagaimana semalam (17 Julai 2021) iaitu:

- Putatan lapan (8) kes

**c. Daerah yang mencatatkan penurunan kes**

**13** daerah yang mencatatkan penurunan kes berbanding semalam (17 Julai 2021) iaitu:

- Kota Kinabalu 278 kes, penurunan (-34) kes
- Keningau sembilan (9) kes, penurunan (-30) kes
- Kudat enam (6) kes, penurunan (-29) kes
- Pitas sifar (0) kes, penurunan (-19) kes
- Beluran sifar (0) kes, penurunan (-7) kes
- Tuaran tiga (3) kes, penurunan (-10) kes
- Semporna dua (2) kes, penurunan (-7) kes

- Kota Marudu sifar (0) kes, penurunan (-7) kes
- Lahad Datu sifar (0) kes, penurunan (-3) kes
- Ranau sifar (0) kes, penurunan (-2) kes
- Papar empat (4) kes, penurunan (-2) kes
- Kunak sifar (0) kes, penurunan (-1) kes
- Tongod sifar (0) kes, penurunan (-1) kes

**d. Daerah yang mencatatkan Sifar (0) kes**

**11** daerah yang mencatatkan sifar (0) kes pada hari ini iaitu:

- Beluran
- Lahad Datu
- Kunak
- Tongod
- Pitas
- Kota marudu
- Ranau
- Kuala Penyu
- Tenom
- Nabawan
- Tambunan

iii. Setakat ini, daerah Zon Hijau hanya tinggal dua (2) daerah dan dengan jumlah catatan sebanyak (129) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

6 Terdapat **empat (4) kluster baharu** direkodkan hari ini.

i **Kluster Batu Tiga Utara - Sandakan** merupakan kluster pusat rawatan. Kes indeks adalah lelaki, 27, pesakit rawatan hemodialisis di sebuah unit dialisis hospital kerajaan. Kes indeks yang mula bergejala sejak 11 Julai 2021 kemudian disahkan positif COVID-19 melalui ujian RTK-Ag 100% di sebuah klinik swasta pada 13 Julai 2021. Saringan kontak serumah yang dijalankan mendapati empat ahli keluarga kes juga positif iaitu tiga (3) PCR dan satu (1) RTK-Ag. Pada 17 Julai 2021, unit hemodialisis hospital terbabit juga telah menjalankan saringan di wad dan mengesan 14 lagi kes positif ujian RTK-Ag 100% dalam kalangan pesakit di pusat rawatan terbabit. Secara keseluruhan, kluster ini merekodkan jumlah kumulatif 19 kes termasuk 17 kes baharu pada hari ini.

ii **Kluster Agathis - Kalabakan** melibatkan penularan jangkitan di tempat kerja iaitu di sebuah ladang kelapa sawit di daerah Kalabakan. Pada 14 Julai 2021, kes indeks yang merupakan pemandu estet, lelaki, 46, disahkan positif COVID-19 hasil saringan bergejala di klinik swasta dalam kawasan ladang tersebut. Siasatan awal mendapati kes indeks pernah membawa pekerja bergejala ke klinik estet untuk mendapatkan rawatan. Berikutan maklumat tersebut, saringan kontak rapat dan staf klinik mengesan rakan sekerja dan jururawat klinik terbabit turut positif COVID-19 pada 16 Julai 2021. Setakat hari ini, jumlah terkini kes positif COVID-19 bagi kluster ini ialah sebanyak 33 kes positif termasuk 31 kes baharu. Siasatan lanjut pengesanan kontak rapat dan mengenal pasti punca jangkitan sedang giat dijalankan.

iii **Kluster Sri Sandau - Kinabatangan** dikesan apabila kes indeks yang merupakan pekerja ladang wanita, 35, bukan warganegara, disahkan positif COVID-19 melalui RTK-Ag grading 50% di sebuah klinik swasta di Nangoh, Beluran pada 12 Julai 2021. Saringan tersebut bertujuan untuk kemasukan ke ladang dan kes indeks telah dirujuk ke Hospital Duchess Of Kent Sandakan untuk rawatan lanjut. Saringan kontak seterusnya mendapati 10 orang rakan sekerjanya didapati positif COVID-19. Setakat 18 Julai 2021, jumlah kumulatif kes positif bagi kluster ini ialah 11 orang termasuk 10 kes baharu hari ini. Aktiviti siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi di lapangan masih giat dijalankan.

iv **Kluster Tembok Dua - Tawau** adalah kluster kategori pusat tahanan/ penjara. Pada 16 Julai 2021, 35 kes positif dikesan dalam kalangan banduan hasil saringan pra-pengeluaran dari penjara. Jumlah ini merangkumi 30 kes menerusi saringan banduan dagang yang akan dikeluarkan ke Depot Tahanan Sementara dan akan diserahkan kepada imigresen. Manakala, lima (5) kes lagi mempunyai urusan luar penjara iaitu satu (1) banduan temujanji antenatal dan empat (4) banduan persidangan mahkamah. Semua kes positif ini berada di Blok Ceria, Damai dan Abadi yang merupakan blok penjara yang bersih di mana semua tahanan telah menjalani 14 hari kuarantin dan dua (2) sampel negatif. Saringan kontak rapat telah dilakukan bagi banduan dan juga pegawai penjara. Siasatan awal mendapati, tiada kaitan epidemiologi dengan Kluster Tembok Tawau sebelum ini yang berlaku di Blok Ehsan yang merupakan blok tercemar. Setakat hari ini, sebanyak 159 kes telah berjaya dikesan termasuk 124 kes baharu. Siasatan lanjut pengesanan kontak rapat dan pengenalpastian punca jangkitan sedang giat dijalankan.

7 Jumlah kapasiti katil 5,316 unit

- Hospital 706 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,322 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 1,288 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 57.52%.

## B PUNCA MEMPENGARUHI KES POSITIF COVID-19 HARI INI BERDASARKAN DAERAH-DAERAH

1 **Daerah Kota Kinabalu (278) kes berpunca daripada**:

- Saringan Kluster (217) kes daripada dua (2) kluster iaitu Kluster Tembok Kota Kinabalu (211) kes dan Kluster Agora Borneo enam (6) kes
- 43 kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat
- 10 kes adalah daripada Saringan Bergejala
- Enam (6) kes daripada Saringan Bersasar
- Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

2 **Daerah Tawau (145) kes berpunca daripada:**

- Saringan Kluster (128) kes daripada dua (2) kluster iaitu Kluster Tembok Tawau Dua (124) kes dan Kluster Serudung Baru empat (4) kes.
- Dua (2) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Lapan (8) kes daripada Saringan Bergejala
- Tujuh (7) kes daripada Saringan Bersasar

3 **Daerah Sandakan (53) kes berpunca daripada:**

- 17 kes daripada Saringan Kluster Batu Tiga Utara
- 12 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Tujuh (7) kes daripada Saringan Bergejala
- 16 kes daripada Saringan Bersasar
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

4 **Daerah Sipitang (48) kes berpunca daripada:**

- 33 kes daripada Saringan Kluster Kampung Melamam
- Enam (6) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Lapan (8) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

5 **Daerah Kalabakan (31) kes berpunca daripada:**

- 31 kes daripada Saringan Agathis

6 **Daerah Beaufort (27) kes berpunca daripada:**

- 25 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Bersasar

7 **Daerah Kota Belud (17) kes berpunca daripada:**

- Dua (2) kes daripada Kluster Siasai Dundau
- 14 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala

8 **Daerah Penampang (16) kes berpunca daripada:**

- Dua (2) kes daripada Kluster Siasai Dundau
- Tujuh (7) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Enam (6) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Bersasar

9 **Daerah Kinabatangan (10) kes berpunca daripada:**

- 10 kes daripada Kluster Sri Sandau

10 **Daerah Telupid sembilan (9) kes berpunca daripada:**

- Tujuh (7) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

11 **Daerah Keningau sembilan (9) kes berpunca daripada:**

- Sembilan (9) kes daripada Saringan Kluster Jambatan Liawan

12 **Daerah Putatan lapan (8) kes berpunca daripada:**

- Tiga (3) kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat
- Tiga (3) kes adalah daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Bersasar
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

13 **Daerah Kudat enam (6) kes berpunca daripada:**

- Lima (5) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes adalah daripada Saringan Bergejala

14 **Daerah Papar empat (4) kes berpunca daripada:**

- Tiga (3) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala

15 **Daerah Tuaran tiga (3) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

16 **Daerah Semporna dua (2) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala

## C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH (KEMASKINI 18 JULAI 2021)

| BIL | DAERAH | BILANGAN LOKALITI PKPD |
|---|---|---|
| 1 | Beaufort | 7 |
| 2 | Keningau | 6 |
| 3 | Kota Belud | 6 |
| 4 | Kota Kinabalu | 16 |
| 5 | Kota Marudu | 1 |
| 6 | Kudat | 3 |
| 7 | Lahad Datu | 2 |
| 8 | Papar | 2 |
| 9 | Penampang | 3 |
| 10 | Pitas | 3 |
| 11 | Putatan | 3 |
| 12 | Sandakan | 5 |
| 13 | Sipitang | 2 |
| 14 | Tawau | 10 |
| 15 | Tongod | 1 |
| | **JUMLAH** | **70** |

## D SOP BAGI LIMA PKPD DI SABAH

i SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Naruntung, Pitas (Lanjutan) adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

ii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Pinolobuh Bukid, Kota Belud adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

iii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Siasai Dundau, Kota Belud adalah seperti di **LAMPIRAN C.**

iv SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang Sawit KLK Lungmanis & Perumahan Kilang, Mukim Silabukan, Lahad Datu adalah seperti di **LAMPIRAN D.**

v SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Tmn Ehsan, Kudat adalah seperti di **LAMPIRAN E.**

## E PELAKSANAAN PKPD BARU

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Mula PKPD | Tarikh Tamat PKPD |
|---|---|---|---|
| **1.** | Dua lokaliti di Sipitang, Sabah<br>• Kampung Long Kiangan<br>• Kampung Ranau-ranau | 20 Julai 2021 | 2 Ogos 2021 |
| **2.** | Empat (4) lokaliti dalam Mukim Likas, Kota Kinabalu, Sabah<br>• Taman Teluk Likas<br>• Kampung Gusung<br>• Taman Kurnia Jaya<br>• Kuarters Kilang Permai Kaya | 20 Julai 2021 | 2 Ogos 2021 |
| **3.** | Kampung Muhibbah, Beaufort, Sabah | 20 Julai 2021 | 2 Ogos 2021 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **4.** | Ladang Agathis, Kalabakan, Sabah | 20 Julai 2021 | 2 Ogos 2021 |
| **5.** | Dua Perkampungan di Sipitang, Sabah<br>• Kampung Solob<br>• Kampung Tunas Baru | 20 Julai 2021 | 2 Ogos 2021 |
| **6.** | Kampung Dandulit Matunggong, Kudat, Sabah | 20 Julai 2021 | 2 Ogos 2021 |
| **7.** | Kampung Bakalau, Beaufort,Sabah | 20 Julai 2021 | 2 Ogos 2021 |
| **8.** | Kampung Nosoob, Penampang,Sabah | 20 Julai 2021 | 2 Ogos 2021 |

## F PELANJUTAN PKPD

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Tamat PKPD | Cadangan |
|---|---|---|---|
| **1.** | Kampung Serudung Baru, Tawau, Sabah | 19 Julai 2021 | Dilanjutkan berkuatkuasa 20 Julai – 2 Ogos 2021 |

## G PENAMATAN PKPD

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Mula PKPD | Cadangan |
|---|---|---|---|
| **1.** | Kampung Jambatan Baru, Membakut, Beaufort, Sabah | 6 Julai 2021 | Ditamatkan pada 19 Julai 2021 seperti yang dijadualkan |
| **2.** | Blok 6, Kampung Titingan, Tawau, Sabah | 6 Julai 2021 | Ditamatkan pada 19 Julai 2021 seperti yang dijadualkan |

## H STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Setakat hari ini, **10** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 65,377 orang.

2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **278** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 58,144 orang.

3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **14,761** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 419,142 orang.

4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **7,741** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 298,814 orang.

## I BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **339,746** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**J LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

1 Sejumlah 116 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 26,416 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 88 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 76 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 21 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- 12 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
- Lima (5) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- Dua (2) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- Dua (2) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 100 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 35 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan

i Sebanyak 1,134 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan dibawah kawalan Kementerian Kerajaan, Tempatan dan Perumahan.

ii Sebanyak tujuh (7) notis peringatan dikeluarkan iaitu dua (2) di daerah Penampang, satu (1) di daerah Sipitang, tiga (3) di daerah Keningau dan satu (1) di daerah Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan pada hari ini.

iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 198 premis perniagaan dan 89 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 329 Premis Perniagaan melibatkan 186 anggota APM. Sebanyak 39 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikuti SOP.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 85 anggota di 110 lokasi.

7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis, melibatkan lapan (8) buah daerah pada hari ini.

8 Sejumlah 220 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 264 hebahan di seluruh Sabah.

## K KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.5%.** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|---|---|---|
| 1 | Semporna | 96% |
| 2 | Kunak | 96% |
| 3 | Kinabatangan | 96% |
| 4 | Tenom | 96% |
| 5 | Sipitang | 96% |
| 6 | Beluran | 96% |
| 7 | Ranau | 96% |
| 8 | Papar | 96% |
| 9 | Beaufort | 96% |
| 10 | Kota Marudu | 96% |
| 11 | Tuaran | 95.5% |
| 12 | Penampang | 95.5% |
| 13 | Tawau | 95% |
| 14 | Lahad Datu | 95% |
| 15 | Sandakan | 95% |
| 16 | Kota Kinabalu | 95% |
| 17 | Kota Belud | 95% |
| 18 | Kudat | 95% |
| 19 | Keningau | 95% |

2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#MenangBersama**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**

**LAMPIRAN A**

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG NARUNTUNG, PITAS, SABAH

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**Waktu Berkuatkuasa**: 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan**: Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | **Pergerakan Penduduk**: Dibenarkan dengan bersyarat

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | • Seluruh Kawasan Kg Naruntung, Pitas, Sabah. |
| Tempoh Berkuatkuasa | • 18 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 31 Julai 2021 (11.59 malam) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.<br>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. |

1

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG NARUNTUNG, PITAS, SABAH

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**Waktu Berkuatkuasa**: 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan**: Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | **Pergerakan Penduduk**: Dibenarkan dengan bersyarat

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.<br>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: |

| Bil. | Premis Perniagaan | Masa Beroperasi |
|---|---|---|
| 1. | Kedai Runcit / Mini Market / Restoran / Kedai Menjual Makanan | 6.00 pagi hingga 6.00 petang |
| 2. | Pasar / Pasar bergerak | 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>**Dua (2) kali seminggu sahaja** |

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG NARUNTUNG, PITAS, SABAH

### Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM** untuk **seorang (1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<br>a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan<br>b) membeli keperluan asas.<br>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD.<br>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.<br>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.<br>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. |

**LAMPIRAN B**

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG PINOLOBUH BUKID, KOTA BELUD, SABAH

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**Waktu Berkuatkuasa** | 24 Jam
**Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas
**Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | • Seluruh Kawasan Kg Pinolobuh Bukid, Kota Belud , Sabah. |
| Tempoh Berkuatkuasa | • 18 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 31 Julai 2021 (11.59 malam) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.<br>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. |

1

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG PINOLOBUH BUKID, KOTA BELUD,SABAH

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**Waktu Berkuatkuasa** | 24 Jam
**Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas
**Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.<br>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: |

| Bil. | Premis Perniagaan | Masa Beroperasi |
|---|---|---|
| 1. | Kedai Runcit / Mini Market / Restoran / Kedai Menjual Makanan | 6.00 pagi hingga 6.00 petang |
| 2. | Pasar / Pasar bergerak | 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>**Dua (2) kali seminggu sahaja** |

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG PINOLOBUH BUKID, KOTA BELUD, SABAH

### Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM** untuk **seorang (1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<br>a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan<br>b) membeli keperluan asas.<br>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD.<br>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.<br>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.<br>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. |

**LAMPIRAN C**

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SIASAI DUNDAU, KOTA BELUD, SABAH

**Waktu Berkuatkuasa** | 24 Jam

**Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

**Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat

### Aktiviti dibenarkan
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

### Aktiviti tidak dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | • Seluruh Kawasan Kg Siasai Dundau, Kota Belud , Sabah. |
| Tempoh Berkuatkuasa | • 18 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 31 Julai 2021 (11.59 malam) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.<br>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. |



Dikemaskini pada 17 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SIASAI DUNDAU, KOTA BELUD,SABAH

**Waktu Berkuatkuasa** | 24 Jam

**Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

**Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat

### Aktiviti dibenarkan
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

### Aktiviti tidak dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.<br>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: |

| Bil. | Premis Perniagaan | Masa Beroperasi |
|---|---|---|
| 1. | Kedai Runcit / Mini Market / Restoran / Kedai Menjual Makanan | 6.00 pagi hingga 6.00 petang |
| 2. | Pasar / Pasar bergerak | 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>**Dua (2) kali seminggu sahaja** |

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SIASAI DUNDAU, KOTA BELUD, SABAH

**Aktiviti dibenarkan**

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM** untuk **seorang (1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<br>a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan<br>b) membeli keperluan asas.<br>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD.<br>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.<br>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.<br>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. |

**LAMPIRAN D**

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI LADANG SAWIT KLK LUNGMANIS & PERUMAHAN KILANG, MUKIM SILABUKAN, LAHAD DATU, SABAH

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**Waktu Berkuatkuasa** | 24 Jam
**Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas
**Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | • Seluruh Kawasan Ladang Sawit KLK Lungmanis & Perumahan Kilang, Mukim Silabukan, Lahad Datu , Sabah. |
| Tempoh Berkuatkuasa | • 18 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 31 Julai 2021 (11.59 malam) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.<br>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. |

1

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI LADANG SAWIT KLK LUNGMANIS & PERUMAHAN KILANG, MUKIM SILABUKAN, LAHAD DATU,SABAH

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**Waktu Berkuatkuasa** | 24 Jam
**Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas
**Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.<br>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: |

| Bil. | Premis Perniagaan | Masa Beroperasi |
|---|---|---|
| 1. | Kedai Runcit / Mini Market / Restoran / Kedai Menjual Makanan | 6.00 pagi hingga 6.00 petang |
| 2. | Pasar / Pasar bergerak | 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>**Dua (2) kali seminggu sahaja** |

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI LADANG SAWIT KLK LUNGMANIS & PERUMAHAN KILANG, MUKIM SILABUKAN, LAHAD DATU, SABAH

### Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM** untuk **seorang (1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<br>a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan<br>b) membeli keperluan asas.<br>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD.<br>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.<br>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.<br>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. |

**LAMPIRAN E**

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TMN EHSAN, KUDAT, SABAH

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**Waktu Berkuatkuasa** | 24 Jam
**Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas
**Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | • Seluruh Kawasan Tmn Ehsan, Kudat , Sabah. |
| Tempoh Berkuatkuasa | • 18 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 31 Julai 2021 (11.59 malam) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.<br>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. |

1

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TMN EHSAN, KUDAT,SABAH

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

**Waktu Berkuatkuasa** | 24 Jam
**Waktu Aktiviti Dibenarkan** | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas
**Pergerakan Penduduk** | Dibenarkan dengan bersyarat

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.<br>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: |

| Bil. | Premis Perniagaan | Masa Beroperasi |
|---|---|---|
| 1. | Kedai Runcit / Mini Market / Restoran / Kedai Menjual Makanan | 6.00 pagi hingga 6.00 petang |
| 2. | Pasar / Pasar bergerak | 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>**Dua (2) kali seminggu sahaja** |

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2

Dikemaskini pada 17 Julai 2021

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TMN EHSAN, KUDAT, SABAH

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM** untuk **seorang (1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<br>a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan<br>b) membeli keperluan asas.<br>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD.<br>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.<br>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.<br>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. |